

Pasukan pendaki Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) berjaya menawar puncak tertinggi di Asia, Gunung Kinabalu dan mengibarkan tiga bendera iaitu jalur Gemilang, bendera Pahang dan bendera UMPSA.

Misi yang dianjurkan sempena sambutan Hari Malaysia ke-60, penjenamaan dan ulang tahun UMPSA ke-21 disertai itu diketuai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr Mohd Ruslilm Mohamed yang selamat tiba di Timpohon Gate pada jam 2 petang.

Pendaki lain terdiri daripada pelajar UMPSA iaitu Muhammad Daniyal Burkhanuddin, Munirah Mahadir, Muvieanraj Anantakumar dan Yap Wan Er dan Muhammad Hanif Sufian Hazman.

Turut sama Ahli

Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan UMP, Datuk Izwan Hasli Mohd Ibrahim dan alumni UMPSA, Mohamad Azrul Adnan.

Ketibaan kumpulan pendaki di Timpohon Gate disambut Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UMPSA, Datuk Saiful Bahri Ahmad Bakarim, Bendahari dan Ketua Pegawai Kewangan UMPSA, Datuk Zainudin Othman serta Pengarah Pusat Sukan & Kebudayaan, Aznorizamin Ismail.

Menurut Dr Mohd Ruslilm, pendakian ini adalah pengalaman pertama buat kebanyakan pendaki.

"Walaupun terpaksa berdepan pelbagai cabaran termasuk meredah hujan, latuan curam yang tinggi dan keadaan

## UMP tawan Gunung Kinabalu

Harian Metro (25/9/15)



DR Mohd Ruslilm (tiga dari kiri) bersama pendaki UMPSA di puncak Kinabalu.

suhu yang terlalu rendah, namun semuanya dapat menempuh cabaran itu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pengarah UMPSA,

Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada semua pendaki yang berjaya menamatkan ekspedisi

Katanya, ekspedisi mendaki gunung setinggi 4,095 meter ini adalah pengalaman unik dan berharga buat pendaki sekali gus membawa nama

universiti ke puncak bertepatan dengan agenda universiti untuk mengukuhan dan meningkatkan keterlihatan jenama UMPSA di peringkat negara dan global.

"Namun, lebih bermakna apabila ia adalah misi pertama bagi UMPSA selepas penjenamaan universiti pada 30 Julai lalu, sekali gus mencatatkan sejarah tersendiri buat universiti ini," katanya.

Manakala bagi Naib Canselor UMPSA, Profesor Daruk Dr Yusserie Zainuddin pula, kejayaan ini pastinya memberikan semangat buat warganya untuk melestarikan kecemerlangan pada masa akan datang.

Selain itu, ekspedisi pendakian pada tahun ini adalah misi kali ketiga selepas berjaya menawar puncak itu pada tahun 2012 dan 2017.